

KEUNTUNGAN MEMPELAJARI AL-QURAN

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

(Surah Al-Hijr, ayat: 29) ﴿ إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Pada hari yang mulia lagi penuh barakah hari Jumaat penghulu segala hari ini, ingin mengajak Jemaah yang dimuliakan agar bersama-sama terus istiqamah bertaqwa kepada Allah Ta'ala dengan taqwa yang sebenar-benar. Taqwa dalam makna melaksanakan segala titah perintah Allah SWT serta meninggalkan segala yang dilarang-Nya. Dengan menjadikan Al-Quran sebagai petunjuk dan panduan hidup, sebagaimana firman Allah SWT:

﴿ أَلَمْ يَأْتِ الْبَشَرُ بِالْكِتَابِ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴾

Maksudnya: "Alif Laam Miim. Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya), ia pula menjadi petunjuk bagi orang yang bertaqwa". (Surah Al-Baqarah, ayat 1-2)

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Al-Quran adalah Kitab hidayah, rahmat dan penawar segala penyakit untuk manusia, orang beriman dan bertaqwa, firman Allah SWT:

يَأْتِيهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ

لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan serta membawa rahmat bagi orang yang beriman”. (Surah Yunus, ayat 57)

Dalam Kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman menghuraikan maksud ayat ini: “...bahawa Al-Quran diturunkan oleh Allah Ta’ala untuk umat manusia seluruhnya sebagai nasihat pengajaran untuk memperbaiki akhlak dan amal perbuatan dan sebagai ubat penawar bagi penyakit batin seperti penyakit kufur dan syirik, hasad dengki dan khianat serta lain-lain penyakit jiwa. Al-Quran juga menjadi hidayah petunjuk ke jalan yang diredhai Allah Ta’ala yang akan membawa kepada mencapai kebahagiaan dunia akhirat dan Al-Quran pula secara khusus menjadi pancaran-pancaran rahmat bagi orang yang beriman”.

Al-Quran juga Kitab yang membawa kebenaran, yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW, firman Allah SWT lagi:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ الْكِتَابِ وَمُهَيْمِنًا عَلَيْهِ
فَأَحْكُم بَيْنَهُم بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ عَمَّا جَاءَكَ مِنَ الْحَقِّ...

Maksudnya: “Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. Maka jalankanlah hukum di antara mereka (Ahli Kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kepadamu) dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran...”. (Surah Al-Maidah, ayat 48)

Sehubungan itu, pegang dan amalkanlah setiap ajaran yang terkandung di dalam Al-Quran. Ketahuilah, sesungguhnya umat Islam yang terbaik itu ialah orang yang sentiasa belajar dan mengajar Al-Quran, kerana itu setiap umat Islam dituntut supaya mempelajari Al-Quran, sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Sebaik-baik kamu ialah orang yang mempelajari Al-Quran dan mengajarkannya”. (HR Imam Al-Bukhari)

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Rugi orang yang tidak belajar Al-Quran, tetapi beruntunglah orang yang belajar Al-Quran kerana akan mendapat kebaikan yang berganda Cuma dengan satu huruf dari Al-Quran yang dibaca setiap hari kita akan diganjar pahala 10 kebaikan, sebagaimana sabda Rasulullah SAW dalam Hadithnya yang bermaksud: “Sesiapa membaca satu huruf dari Al-Quran maka baginya satu kebaikan dan satu kebaikan diganjar sepuluh kali ganda”. (HR Imam At-Tirmizi)

Besarnya fadilat dan kelebihan membaca Al-Quran, bahawa ganjaran membaca satu huruf Al-Quran 10 kebaikan. Bermakna 10 huruf x 10 = 100 kebaikan. Jika 100 huruf x 10 = 1,000 kebaikan yang akan diperolehi setiap orang yang membaca Al-Quran. Pasti berganda-gandalah kebaikan yang akan dikurniakan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya yang sentiasa membaca Kitab Suci Al-Quran, sebagai amal ibadah.

Maka, sudah tentu berganda-ganda pula nilai/saham amal soleh kita kelak di hari akhirat ketika masing-masing menunggu giliran menerima ganjaran pahala untuk memberatkan amal soleh masing-masing.

Ingatlah, orang yang membaca dan menghafaz Al-Quran bersama para malaikat yang mulia. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Umpama yang membaca Al-Quran dan menghafaznya bersama kumpulan malaikat mulia sedangkan umpama membaca Al-Quran dalam sukar. Baginya akan mendapat dua pahala”. (HR Imam Bukhari, Muslim, Abu Daud, At-Tirmizi dan Ibn Majah)

Orang yang membaca Al-Quran mendapat syafaat di akhirat nanti, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Bacalah Al-Quran kerana ia datang pada hari kiamat dalam bentuk memberi syafaat kepada tuan-tuannya”*. (HR Imam Muslim)

JEMAAH JUMAAT BERBAHAGIA,

Ketahuiilah, sesungguhnya Al-Quran adalah sebesar-besar mukjizat dan petunjuk yang berpengaruh dalam merubah, mengangkat darjat manusia serta menjatuhkan mana-mana golongan lain, sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Sesungguhnya Allah SWT mengangkat dengan Kitab ini (Al-Quran) kaum-kaum dan menjatuhkan dengan Kitab ini (Al-Quran) golongan yang lain”*. (HR Imam Muslim, Ibn Majah, Ad-Daruquthni dan lain-lain)

Dari Ali radhiyallahu anhu, katanya: Ingatlah, aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *“Awalah! Sesungguhnya akan berlaku kekacauan dan bala bencana yang besar. Aku bertanya: Apakah caranya untuk menyelamatkan diri dari bencana itu, ya Rasulullah? Baginda SAW menjawab: (Caranya ialah berpegang teguh kepada ajaran) Kitabullah (Al-Quran), ia mengandungi kisah-kisah perihal umat yang terdahulu dari kamu dan berita perkara-perkara yang akan datang sesudah kamu serta hukum-hukum mengenai apa yang berlaku di antara kamu. Kitabullah (Al-Quran) ialah yang menjadi pemutus (antara yang benar dengan yang salah), bukan keterangan yang olok-olok. Sesiapa jua dari golongan yang sombong angkuh, meninggalkannya (dengan tidak menurut hukumnya), akan dibinasakan oleh Allah dan sesiapa yang mencari petunjuk yang lain darinya, akan disesatkan oleh Allah. Al-Quran ialah tali Allah yang teguh kukuh dan ialah pengajaran yang menjadi ikutan dan ia jua jalan yang lurus. Ia Kitab yang dengan sebab berpegang teguh kepada ajarannya, hawa nafsu seseorang tidak akan menyeleweng atau terpesung. Dan ialah Kitab yang kalimah-kalimahnyanya tidak akan bercampur aduk atau berkesamaran dengan kata-kata makhluk dan alim ulama pula tidak merasa puas daripada mengkaji isi kandungannya. (Demikian juga) keindahannya, kemanisan dan kelazatan membacanya tidak akan susut atau hilang, meskipun ia dibaca dengan berulang-ulang. Dan kandungannya yang menakjubkan tidak berkesudahan. Ia Kitab yang menjadikan sekumpulan jin semasa mendengarnya tidak tertahan hati menerimanya sehingga mereka memujinya dengan berkata: Sesungguhnya kami mendengar bacaan Al-Quran yang menakjubkan, yang memimpin ke jalan yang benar, lalu kami beriman kepadanya. (Demikian juga) sesiapa yang memperkatakan sesuatu dengan berdasarkan Kitab itu, benarlah perkataannya dan sesiapa yang beriman dengan ajarannya, diberikan pahala. Dan sesiapa yang membuat keputusan berdasarkan hukumnya, adillah keputusannya. Dan sesiapa yang berdakwah supaya orang ramai menurut ajarannya, sudaah tentu dia (dan mereka) beroleh hidayah petunjuk ke jalan yang lurus”*. (HR At-Tirmizi dan Ad-Darimi)

Merujuk mafhum sabda Baginda SAW ini bahawa Al-Quran itu mengandungi pelbagai petunjuk, pengajaran, ilmu, rahmat dan sebagainya, antaranya:

1. Berpegang teguh dengan Al-Quran akan menyelamatkan manusia dari bencana.
2. Al-Quran mengandungi kisah-kisah umat terdahulu.
3. Al-Quran mengandungi perkara-perkara yang akan datang.
4. Al-Quran menjadi pemutus antara yang benar dengan yang salah.
5. Sesiapa yang meninggalkan Al-Quran akan dibinasakan oleh Allah Ta'ala.
6. Mencari petunjuk selain Al-Quran akan disesatkan oleh Allah Ta'ala.
7. Al-Quran adalah tali Allah Ta'ala yang teguh kukuh.
8. Al-Quran ialah pengajaran yang menjadi ikutan.
9. Al-Quran ialah jalan yang lurus.
10. Berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran, hawa nafsu tidak akan menyeleweng dan terpesung.
11. Kalimah-kalimah Al-Quran tidak akan bercampur aduk dan bersamaran dengan kata-kata makhluk.
12. Para ulama dan ilmuan yang mengkaji isi kandungannya tidak akan kehabisan.
13. Keindahan, kemanisan dan kelazatan membaca Al-Quran tidak akan hilang walaupun dibaca berulang-ulang setiap hari.
14. Kandungan Al-Quran menakjubkan dan memimpin ke jalan yang benar.

15. Sesuatu yang berdasarkan Al-Quran pasti benarlah perkataannya.
16. Beramal dengan ajaran Al-Quran pasti diberikan pahala.
17. Membuat keputusan berdasarkan hukum Al-Quran pasti adillah keputusannya.
18. Berdakwah mengajak orang ramai dengan ajaran Al-Quran pasti beroleh hidayah dan petunjuk ke jalan yang lurus.

JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Demikianlah, keutamaan, fadilat dan kelebihan Al-Quran sebagai mukjizat yang menjadi hidayah petunjuk, rahmat, penawar, nasihat pengajaran dan panduan yang menyelesaikan segala persoalan hidup manusia dan menyelamatkan manusia dari kesesatan. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Aku telah tinggalkan pada kamu dua perkara, sekali-kali kamu tidak akan sesat selama kamu berpegang dengan keduanya, iaitu: Kitabullah (Al-Quran) dan Sunnah Rasulullah SAW*”. (HR Imam Malik dan Muslim)

Marilah kita ajak anak isteri/suami, ahli keluarga, anak remaja, muda-mudi, jiran tetangga dan masyarakat seluruhnya mengambil berat kepentingan belajar, mengajar, memahami, menghayati, mencintai dan mengamalkan Al-Quran. Sesungguhnya beruntunglah umat Islam yang sentiasa belajar dan mengajar serta mengamalkan Al-Quran.

Dengan itu, yakin dan percayalah sesungguhnya Al-Quran itu menunjuk jalan yang amat betul lagi lurus, firman Allah SWT di dalam Al-Quran:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا

Maksudnya: “*Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam) dan memberikan berita yang menggembirakan orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar*”. (Surah Al-Israa', ayat 9)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.